

# **KAJIAN STATUS KEFAHAMAN GURU DALAM PENTAKSIRAN MURID PROGRAM LINUS**

Faizah Bt Saad<sup>1</sup>, Dr. Eftah Bt Moh @ Abdullah<sup>2</sup>  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji status kefahaman guru dalam pentaksiran murid bermasalah pembelajaran bacaan. Reka bentuk kajian adalah kajian deskriptif kualitatif. Data dikumpul melalui kaedah temubual yang teliti dan mendalam supaya dapat memberikan gambaran yang kukuh tentang kefahaman proses pentaksiran dalam kalangan guru. Kajian ini melibatkan 6 orang guru yang mengajar Program Literasi dan Numerasi (LINUS) di sebuah sekolah yang dipilih menggunakan teknik persampelan bertujuan. Kajian ini menggunakan Protokol Temu bual sebagai instrumen kajian yang dibina dari rujukan kajian literatur terkini. Temu bual dilakukan secara formal, terbuka dan generik berasaskan protokol temubual. Penyelidik menggunakan Kaedah Pengkategorian Bertema dalam menganalisis data kualitatif iaitu peringkat-peringkat transkrip verbatim, transkrip lengkap, pengkodan dan akhir sekali membina dan mencari tema. Dapatan temu bual menunjukkan dua daripada enam guru mempunyai status kefahaman mendalam, tiga orang mempunyai status kefahaman yang sederhana dan seorang guru yang kurang kefahaman dalam mengenali murid, membuat penyesuaian pengajaran dan pembelajaran dan melaksanakan pentaksiran sejajar dengan kemampuan murid. Implikasi kajian menunjukkan terdapat perkaitan antara tindakan guru mengenali murid dengan mendalam berdasarkan maklumat awal yang diperolehi iaitu mengkaji latar belakang murid, menjalankan saringan awal dan mengenal pasti murid berkeperluan khas memberi kesan kepada tindakan penyesuaian dalam pengajaran dan pembelajaran dan dapat melakukan penjajaran pentaksiran dengan kemampuan murid.

**Kata Kunci:** program literasi dan numerasi (linus), kefahaman pentaksiran guru, murid berkeperluan khas, kaedah pengkategorian bertema, penjajaran pentaksiran dengan kemampuan murid.

## ***ABSTRACT***

*This study aims to assess the status of teachers' understanding of assessment in reading of students with learning disabilities. Design of the study was a qualitative descriptive study. Data was collected through a thorough and in-depth interviews in order to give a strong understanding of the assessment process among the teachers. The study involved six teachers Program Literacy and Numeracy (LINUS) at Sekolah Kebangsaan Seri Greenwood which is selected using purposive sampling technique. Protocol interviews is used as an instrument developed base on the latest literature review. Interviews conducted using protocol interview in a formal, open and generic forms. The data was analyzed using Data Categorization Themed Method comprised four stages, first is verbatim transcript, secondly the transcript is complete, thirdly coding, and finally build and looking for a theme. The result of the interview showed that teachers' status of understanding were two teachers have a deep understanding, three people have a simple understanding, while one teacher has lack of understanding of the students, adapting lessons and assessing in line with students' ability. The implications of this research shows that is the relationship between the teachers practice in studying the background of students, knowing students with in-depth preliminary information obtained by conducting initial screening and identification of students with special need with an adjustment teaching and learning approaches and alignment between assessment and students' ability.*

**Keywords:** *literacy and numeracy program (linus), teacher assessment understanding, students with special need, categorizing themed method, alignment between assessment and students' ability.*

## **PENGENALAN**

Data dari Program Kemahiran Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M) dan data Program Pemulihan Membaca, Menulis dan Mengira (PROTIM) pada tahun 2008 menunjukkan sebanyak 54,000 murid Tahun Satu dan seramai 48,233 orang murid Tahun Empat belum menguasai kemahiran asas membaca dan menulis (literasi). Manakala data Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia menunjukkan kadar keciciran murid sekolah rendah dan sekolah menengah di Malaysia pada tahun 2008 adalah seramai 31,939 orang murid (Sumber; Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010). Justeru, bermula dari Tahun 2010, Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) telah

menyasarkan bahawa semua murid berkeupayaan untuk menguasai asas literasi dan numerasi kecuali murid berkeperluan khas selepas tiga tahun mengikuti pendidikan rendah sebelum berakhir tahun 2012. Program Literasi dan Numerasi (LINUS) diwujudkan untuk menangani masalah murid yang berkeupayaan tetapi masih belum menguasai literasi dan numerasi. Matlamat LINUS adalah untuk mengenal pasti masalah dan memulihkan kelemahan murid pada peringkat lebih awal agar murid yang tidak berupaya membaca dan menulis ini tidak ketinggalan dalam menguasai pembelajaran secara keseluruhan. Pada asasnya, masalah pembelajaran dikaitkan dengan masalah pencapaian akademik yang melibatkan membaca, menulis, mengira serta masalah komunikasi. Namun dalam kajian ini fokus adalah kepada murid bermasalah pembelajaran bacaan. Diharapkan pengenalanpastian pada peringkat awal secara tidak langsung dapat membantu pembelajaran murid-murid yang tidak dapat membaca agar tidak terus tercicir. Oleh yang demikian, tugas seorang guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran bukan sahaja menyampaikan ilmu tetapi juga melakukan pentaksiran dalam pengajaran dan pembelajaran. Justeru itu, fokus kajian ini adalah untuk mengkaji status kefahaman guru dalam melaksanakan pentaksiran bagi murid LINUS yang bermasalah pembelajaran dalam bacaan.

## **PENYATAAN MASALAH**

Terdapat lebih 80 ribu murid-murid sekolah di Malaysia yang masih gagal menguasai kemahiran membaca dan menulis (Unit Rendah, Bahagian Sekolah, 2006). Menyedari hakikat itu Kementerian Pelajaran Malaysia mengorak langkah untuk melaksanakan program Literasi dan Numerasi (LINUS) bagi mengatasi masalah tersebut. Kajian-kajian yang dijalankan sehingga kini membuktikan bahawa murid-murid yang bermasalah dalam kemahiran asas literasi biasanya akan turut bermasalah dalam bidang akademik (Haliza dan Samuel, 2014). Mereka sering dilabelkan sebagai kegagalan kesediaan minda murid dalam menguasai prinsip asas abjad untuk menjadi seorang pembaca yang mahir (Roshotte & Torgeson 1985). Malah terdapat guru yang beranggapan murid-murid ini *'kalau dicuba, dia boleh buat'*, *'dia ada kemampuan, tetapi dia malas'* dan *'dia tu cerdik sebenarnya, tetapi tak nak beri perhatian'*. Jelas guru-guru tersebut mempunyai pandangan bahawa murid-murid tersebut mempunyai potensi tetapi beranggapan bahawa mereka tidak berusaha. Murid-murid seperti ini bukan lembam atau terencat akal tetapi mungkin menghadapi masalah pembelajaran yang merupakan suatu ketidakupayaan yang tersembunyi dan

tidak berkaitan dengan kecerdasan murid (Mohd Zuri dan Aznan, 2012). Justeru itu bagi mengatasi masalah ini, guru perlu mengenali latar belakang murid dan menjalankan saringan awal kerana hasil maklumat ini dapat membantu guru membuat penyesuaian dalam pengajaran dan pembelajaran di samping melaksanakan pentaksiran yang sejajar dengan kemampuan murid.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji status kefahaman guru dalam pentaksiran murid bermasalah pembelajaran bacaan.

## **OBJEKTIF**

Objektif khusus bagi kajian ini adalah bertujuan untuk:


- i. Mengetahui status kefahaman guru mengenai murid-murid dalam melaksanakan pentaksiran semasa pengajaran dan pembelajaran
- ii. Mengetahui status kefahaman guru dalam membuat penyesuaian kaedah pengajaran dan pembelajaran murid bermasalah pembelajaran bacaan
- iii. Mengetahui status kefahaman guru dalam melaksanakan pentaksiran formatif semasa pengajaran dan pembelajaran murid bermasalah pembelajaran bacaan.

## **Soalan Kajian**

- i. Apakah status kefahaman guru mengenai murid-murid dalam melaksanakan pentaksiran semasa pengajaran dan pembelajaran
- ii. Apakah status kefahaman guru dalam membuat penyesuaian kaedah pengajaran dan pembelajaran murid bermasalah pembelajaran bacaan
- iii. Apakah status kefahaman guru dalam melaksanakan pentaksiran formatif semasa pengajaran dan pembelajaran murid bermasalah pembelajaran bacaan.

## **Konsepsual Kajian**

Rajah 1 menunjukkan konseptual kajian bagi mengenal pasti status kefahaman guru dalam pentaksiran murid bermasalah pembelajaran bacaan.



Guru seharusnya mengetahui latar belakang murid dengan mendapatkan maklumat melalui cara yang sesuai untuk mengenali latar belakang murid-muridnya. Contohnya guru boleh membuat semakan butir-butir peribadi melalui rekod yang disimpan dan bertanya kepada guru terdahulu yang pernah mengajar murid-muridnya. Selain itu, guru boleh memberi ujian ringkas untuk mendapat gambaran awal berkaitan murid atau membuat pemerhatian sendiri terhadap anak muridnya. Setelah mengetahui latar belakang murid, guru boleh mendekati dan memahami murid dan seterusnya membantu mereka sekiranya mereka menghadapi masalah akademik, sosial dan emosi (Haliza dan Samuel, 2014).

Proses saringan adalah peringkat guru mengenali murid dalam proses pentaksiran dan membolehkan guru membuat penilaian awal tentang ketidakupayaan yang dimiliki oleh

murid-murid. Ini kerana, tidak semua ketidakupayaan ini dipamerkan secara jelas oleh murid-murid contohnya ketidakupayaan yang berlaku secara halus seperti mempunyai masalah dalam memberikan perhatian atau juga lalai dalam melaksanakan kerja sekolah. Oleh yang demikian, murid-murid LINUS ini memerlukan penilaian awal terhadap ketidakupayaan mereka sama ada secara formal ataupun secara tidak formal. Secara ringkasnya penilaian awal terhadap ketidakupayaan murid-murid membolehkan guru untuk mengenal pasti murid-murid khas yang berhak mendapat pendidikan dan didikan yang sewajarnya.

Pengesanan ciri fizikal murid bermasalah bacaan pula bertujuan untuk mengesan sama ada murid tersebut mempunyai ciri-ciri fizikal murid berkeperluan khas atau tidak. Pengesanan ciri ketidakupayaan ini akan membolehkan guru mengumpul maklumat untuk tujuan penempatan. Jika murid menunjukkan ciri-ciri fizikal murid berkeperluan khas maka murid tersebut akan dirujuk kepada doktor pakar untuk pengesanan dan seterusnya ditempatkan di sekolah pendidikan khas. Ini kerana murid-murid istimewa mempunyai keupayaan yang terbatas berbanding murid-murid yang normal. Oleh yang demikian, mereka perlu diasingkan dari segi program pengajaran, pendekatan, bahan pengajaran, persekitaran pembelajaran dan lain-lain lagi supaya proses perkembangan pembelajaran mereka berjalan dengan lancar dan baik.

Pengurusan bilik darjah yang berkesan menyumbang kepada pencapaian akademik yang lebih tinggi. Pengurusan bilik darjah merupakan faktor penting dalam mempengaruhi motivasi, tahap penglibatan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta tingkahlaku dan sikap murid di dalam bilik darjah (Haliza & Samuel, 2014). Pengurusan bilik darjah adalah suatu proses yang akan memastikan kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dan dapat meningkatkan penglibatan murid dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Dalam kajian ini, pengurusan bilik darjah melibatkan modifikasi pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran formatif yang dilaksanakan oleh guru.

Melalui pengesanan awal dapat membantu guru dalam menyediakan rancangan yang paling sesuai dengan keperluan murid-murid LINUS. Oleh yang demikian, guru perlu mengumpul maklumat latar belakang murid dari

pelbagai sumber supaya guru dapat memahami bentuk pendidikan murid, sosial, pembesaran, persekitaran, kesihatan dan sejarah emosi. Dengan ini guru dapat mengetahui kekuatan dan kelemahan murid tersebut. Hasil penilaian diharapkan dapat memberi maklumat berguna untuk mengenal pasti atau memodifikasi sesuatu program untuk murid tersebut. Setelah mengenal pasti masalah, guru perlu membuat pengubahsuaian pengajaran (Abu Bakar & Bhasah, 2008). Ini kerana pencapaian yang rendah bukannya berpunca daripada kelemahan semulajadi murid-murid tetapi keadaan pengajaran dan pembelajaran itu yang menyebabkan pencapaian yang rendah. Guru membuat sesuatu andaian semasa merancang sesuatu pelajaran, semasa memilih bahan-bahan dan semasa mengajar. Berasaskan kepada maklum balas, guru akan dapat mengetahui kesesuaian perkara dan cara-cara dia mengajar. Jikalau perkara dan cara dia mengajar tidak sesuai, maka dia terpaksa mengubahsuaikan perkara dan cara pengajarannya.

Pentaksiran formatif berbeza dengan pentaksiran sumatif dari aspek proses dan hasil. Pentaksiran formatif digunakan untuk mengukuhkan pembelajaran dan bukan sekadar mengukur kejayaan di akhir unit. Oleh itu pentaksiran formatif biasanya digunakan di tengah-tengah proses pembelajaran. Pentaksiran formatif melibatkan tindakan yang dirangka secara berstruktur dengan tujuan memperbaiki hasil pembelajaran. Pentaksiran formatif berguna dalam mengenal pasti apa yang murid ketahui, apa yang mereka boleh lakukan, apa masalah mereka, apakah persepsi mereka dan bagaimana mereka mengatasi sebarang kekeliruan. Guru boleh juga mengenal pasti jurang dalam pembelajaran dan sebarang masalah yang murid hadapi. Guru melakukan pentaksiran dan sentiasa memastikan berlaku penjajaran strategi dan instrumen pentaksiran yang bersesuaian dengan perkara yang ditaksir. Pentaksiran boleh dilakukan secara tidak formal, sebagai contoh menggunakan kaedah pemerhatian, iaitu guru menilai setiap murid secara berterusan tentang apa yang mereka tahu, faham dan boleh buat. Sekiranya murid mencapai standard yang ditetapkan guru akan meneruskan pengajaran kandungan yang berikutnya. Sekiranya murid tidak mencapai standard yang ditetapkan guru akan membuat sesi pemulihan untuk membimbing murid tersebut. Pemilihan strategi pengajaran penting bagi membantu murid mendapat pengalaman pembelajaran yang sejajar dengan standard kurikulum.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan Ujian Saringan LINUS dalam membuat penilaian. Penilaian keupayaan penguasaan literasi murid

dapat dinilai melalui dua ujian saringan yang dilaksanakan dalam setahun. Murid yang tidak dapat menguasai kemahiran asas literasi akan dimasukkan ke dalam kelas pemulihan dan murid yang masih di dalam proses pemulihan akan diasingkan kelas bagi mata pelajaran bahasa bagi memastikan perhatian yang istimewa dapat diberikan oleh guru-guru LINUS dan guru pemulihan berdasarkan kemampuan mereka. Pengasingan murid LINUS ini bertujuan untuk memastikan murid dan guru dapat menumpukan sepenuh perhatian dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran asas literasi yang lebih padu dan penggunaan teknik yang lebih berkesan berdasarkan modul LINUS dan keupayaan setiap murid.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian deskriptif kualitatif. Penyelidikan deskriptif merujuk kepada kajian berbentuk penerokaan yang banyak bergantung kepada perkataan dan makna yang diberikan oleh subjek sebagai data untuk dianalisis. Penyelidikan kualitatif dijalankan dalam latar semula jadi dan penyelidik merupakan instrumen utama dalam pengumpulan data dalam bentuk perkataan atau gambar, menganalisisnya secara induktif, memberi fokus kepada makna yang dibuat oleh partisipan kajian serta dijelaskan dalam bahasa yang ekspresif dan menarik (Othman, 2009). Reka bentuk ini dipilih kerana dapat memberikan gambaran yang kukuh tentang status kefahaman guru dalam pentaksiran. Ini kerana, dalam dunia yang sebenar, banyak perkara tidak dapat dijelaskan hanya dengan merujuk kepada data numerika dalam penyelidikan kuantitatif sahaja (Chua Yan Piaw, 2011).

Sampel penyelidikan kualitatif berbeza dengan sampel penyelidikan kuantitatif kerana sampel penyelidikan kualitatif dipilih secara bertujuan (Noraini, 2010). Populasi dan sampel dalam kajian ini adalah guru LINUS yang mengajar di Sekolah Kebangsaan Seri Kundang. Populasi guru yang mengajar LINUS literasi adalah seramai 10 orang tetapi pengkaji memilih 6 orang sampel secara persampelan bertujuan kerana menurut Chua (2011) bilangan subjek dalam kajian kualitatif adalah kecil. Kesemua responden kajian ini akan dirujuk sebagai P1, P2, P3, P4, P5 dan P6. Pemilihan ini dibuat berdasarkan kepada beberapa kriteria kerana pengkaji menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Kriteria-kriteria pemilihan responden kajian bagi kajian ini ialah i) responden kajian merupakan guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia LINUS



tahap ii) responden kajian memiliki pengalaman mengajar lebih dari 3 tahun dan iii) kesediaan responden kajian untuk berkongsi pengalaman mereka bersama pengkaji.

Kajian ini menggunakan Protokol Temu bual sebagai instrumen kajian yang dibina dari rujukan kajian literatur terkini. Soalan protokol temu bual kajian ini telah dibina dalam bentuk soalan terbuka dan generik, iaitu subjek temu bual bebas menyatakan pandangan mereka berdasarkan soalan-soalan yang diberikan tanpa disekat. Menurut Noraini (2010), protokol temu bual yang terdiri daripada pengenalan, soalan pembuka, soalan kunci, soalan-soalan berkaitan soalan kunci dan soalan penutup perlu disediakan. Protokol temu bual membantu menjawab persoalan penyelidikan. Manakala menurut Titchie & Lewis (2003) mengatakan bahawa temubual dapat menjelaskan tentang corak pemikiran seseorang responden. Sumber maklumat yang diperolehi dari temubual juga lebih kaya dan mendalam, terutamanya apabila membincangkan mengenai proses pemikiran seseorang responden itu.

Kaedah mengutip data adalah secara individu daripada sekumpulan responden dengan cara menemubual responden secara terus. Jawapan diberi oleh subjek kajian secara terus selepas sahaja soalan diberikan. Temu bual dilakukan secara formal, terbuka dan generik berasaskan protokol temubual. Soalan Protokol 1 berfokus pada status kefahaman guru dalam mengenali murid yang meliputi latar belakang murid (sosio ekonomi keluarga, taraf pendidikan ibu bapa dan sokongan motivasi), aktiviti saringan dan keadaan ciri fizikal murid. Soalan Protokol 2 berfokus kepada status kefahaman guru dalam melaksanakan modifikasi pengajaran dan pembelajaran hasil dari maklumat yang diperolehi dalam proses mengenali murid. Seterusnya Protokol 3 berfokus kepada status kefahaman guru dalam melaksanakan pentaksiran formatif terhadap murid. Soalan-soalan yang ditanya kepada setiap guru dirancang secara teliti dan dilaksanakan mengikut satu senarai soalan yang perlu dijawab oleh responden.

Dalam kajian kualitatif, analisis data merupakan proses yang berterusan dari permulaan kajian (Othman, 2009). Penyelidik menggunakan Kaedah Pengkategorian Bertema dalam menganalisis data kualitatif. Pengkaji menggunakan peringkat-peringkat seperti di bawah;

1. Transkrip verbatim

2. Transkrip lengkap
3. Pengkodan
4. Membina dan mencari tema

## **RUMUSAN DAN PERBINCANGAN**

### **Kefahaman guru mengenali murid-murid bermasalah pembelajaran bacaan**

Dalam mengenali latar belakang murid, rumusan dapatan kajian menunjukkan hanya dua orang guru yang memahami secara mendalam latar belakang sosio ekonomi murid. Tindakan kedua-dua guru ini yang mendekati murid dan bersoal jawab dengan murid memudahkan mereka memahami murid dengan lebih mesra berbanding dengan empat orang guru lagi yang hanya mengetahui latar belakang sosio ekonomi murid melalui Borang SMM sahaja. Setelah mengenali murid, kedua-dua guru ini bersikap lebih prihatin terhadap kebajikan murid yang lemah dalam bacaan serta membantu mendapatkan bantuan jika murid tersebut miskin dan mendekati murid yang kerap kali ponteng. Dalam pengajaran dan pembelajaran pula, mereka dapat mengenalpasti punca murid ini lemah dalam bacaan yang kebanyakannya adalah disebabkan faktor persekitaran iaitu tahap sosioekonomi keluarga yang rendah. Tindakan kedua-dua guru ini selari dengan dapatan oleh Mohamad Johdi Salleh, Che Noraini Hashim et al. (2009) yang menyatakan pengetahuan guru mengenai nama dan latar belakang murid akan dapat membantu mengeratkan lagi hubungan dengan murid sekaligus dapat membantu guru mengawal bilik darjahnya dengan baik dan cekap. Kaedah ini akan memudahkan guru untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan muridnya ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlaku ataupun ketika berurusan di luar bilik darjah.

Selain itu, dalam mengenali latar belakang murid kesemua responden juga tahu mengenai taraf pendidikan ibu bapa melalui semakan Borang SMM. Namun hanya tiga orang yang memahami bahawa murid yang mempunyai ibu bapa yang berpendidikan biasanya akan memberi bantuan membimbing anak belajar di rumah. Oleh yang demikian, ketiga-tiga responden ini memahami yang murid-murid bermasalah bacaan biasanya dari ibu bapa yang kurang berpendidikan dan mereka tidak mengharapkan ibu bapa mengajar murid-murid ini di rumah. Oleh yang demikian mereka bertindak memberikan perhatian yang lebih kepada murid-murid ini ketika

melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Dapatan kajian ini selari dengan kajian literatur yang menyatakan murid yang lemah dalam bacaan adalah dari keluarga yang berpendapatan rendah dan ibu bapa yang tidak mempunyai pendidikan yang tinggi (Mohamad Johdi Salleh et al., 2009; Sheau Tsuey Chong & Juliana Rosmidah Jaafar et al., 2012).

Selari dengan dapatan Sheau Tsuey Chong & Juliana Rosmidah Jaafar et al. (2012) yang menyatakan kasih sayang dan sokongan daripada keluarga adalah penting untuk murid belajar dengan cemerlang. Begitu juga dengan dapatan kajian ini yang menunjukkan murid yang lemah dalam bacaan khususnya dalam kalangan murid LINUS kurang mendapat kasih sayang dan perhatian daripada ibu bapa. Hal ini terbukti kerana ibu bapa mereka jarang atau tidak pernah menghadiri Hari Terbuka untuk berjumpa dan membincangkan masalah anak dengan guru. Maklumat latar belakang murid juga menunjukkan ada dalam kalangan murid LINUS yang berasal dari keluarga yang ibu bapanya berpisah, tinggal bersama datuk dan tinggal di Rumah Anak Yatim. Dapatan ini menyokong pendapat Haliza dan Samuel (2014) yang menyatakan seseorang sangat memerlukan kasih sayang daripada ibu bapa dan juga orang yang penting dalam kehidupannya. Murid yang tidak mendapat kasih sayang daripada ibu bapa disebabkan oleh penceraiian, keadaan rumah tangga yang tidak aman dan sebagainya akan menghadapi masalah dan ini akan menjadi penghalang kepada pembelajaran mereka.

Terdapat satu amalan yang perlu diperbaiki dalam melaksanakan saringan awal dalam kajian ini. Ini kerana, rumusan dapatan kajian menunjukkan terdapat seorang guru yang kurang kefahaman berkaitan ujian diagnostik iaitu hanya memberi ujian sahaja dan tidak melakukan apa-apa tindakan selepas mendapat keputusan ujian diagnostik. Ini menunjukkan guru berkenaan gagal menggunakan ujian diagnostik untuk memperbaiki kelemahan murid dan merancang pengajaran dan pembelajaran yang sesuai untuk murid tersebut. Oleh kerana guru hanya menjalankan pengajaran dan pembelajaran untuk murid berkenaan seperti mana murid-murid lain maka murid berkenaan akan terus keciciran kerana tidak mampu mengikuti pengajaran dan pembelajaran guru yang tinggi aras pengajarannya.

Namun, kesemua responden kajian menunjukkan mereka telah menjalankan saringan awal kepada murid pada awal tahun bagi mengetahui tahap penguasaan murid dalam bacaan. Pelbagai cara dilaksanakan untuk

mengenal pasti masalah bacaan murid. Terdapat responden yang menjalankan ujian diagnostik bacaan, ujian bacaan secara individu dan pemerhatian di dalam kelas. Hal ini menunjukkan responden kajian memahami bahawa pengesanan atau diagnosis awal sangat penting dalam menjamin kemajuan dan perkembangan murid-murid yang dikenalpasti tidak boleh membaca. Hal ini selari dengan pendapat yang diberikan oleh Mahzan Arshad (2008), Mohd Zuri Ghani & Aznan Che Ahmad (2011) dan Khairuddin Mohamad (2011) bahawa pengesanan awal dan pemberian intervensi dapat mencegah kelemahan bacaan murid sekaligus meningkatkan kekuatan atau kebolehan sedia ada dirinya dalam bacaan.

Seterusnya dalam mengenali latar belakang murid, guru juga perlu mengenali ciri-ciri fizikal murid bermasalah pembelajaran supaya mereka dapat membuat penyesuaian dalam pengajaran dan pembelajaran terhadap murid tersebut. Namun dapatan kajian ini menunjukkan jurang antara sorotan literatur dan dapatan kajian ini kerana kesemua responden dikenal pasti kurang kefahaman dalam mengenali ciri-ciri fizikal murid bermasalah pembelajaran. Oleh yang demikian mereka gagal untuk mengesan pada peringkat awal murid-murid yang bermasalah bacaan yang berkemungkinan mempunyai masalah pembelajaran. Namun begitu, terdapat tiga orang guru yang akan merujuk murid yang dirasakan mempunyai masalah pembelajaran kepada guru pemulihan dan guru kaunseling untuk tindakan selanjutnya. Setelah dikenalpasti murid berkenaan dalam kategori bermasalah pembelajaran maka guru-guru berkenaan akan menurunkan aras pengajarannya dan memperbanyakkan aktiviti yang sesuai untuk murid-murid berkenaan. Guru yang memahami masalah murid yang bermasalah pembelajaran tidak akan memaksa murid tersebut belajar seperti murid-murid normal yang lain dan ini dapat mengelakkan murid tersebut menjadi bahan kemarahan guru jika mereka tidak menguasai sesuatu kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran. Pada pendapat pengkaji, tindakan sebegini adalah tindakan yang sepatutnya dilakukan oleh semua guru terhadap murid yang bermasalah pembelajaran kerana ketidakupayaan mereka menguasai kemahiran bacaan bukan disebabkan sikap malas tetapi kerana faktor ketidakupayaan. Oleh itu, pengesanan atau diagnosis awal sangat penting dalam menjamin kemajuan dan perkembangan murid-murid yang dikenalpasti berkeperluan khas (Mohd Zuri & Aznan, 2011).

**Kefahaman guru dalam membuat penyesuaian kaedah pengajaran dan pembelajaran.**

Sebagai rumusan kesemua responden menggunakan kaedah pengajaran berpusatkan murid dalam menyampaikan pengajaran mereka kepada murid. Ini kerana dalam memahami murid yang lemah dalam bacaan guru perlu melibatkan murid dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Namun dalam mengkaji kefahaman guru terhadap modifikasi dalam pengajaran dan pembelajaran, pengkaji mengenal pasti bagaimana tindakan yang dilaksanakan oleh responden jika modifikasi kurang berkesan. Dua orang responden lebih memahami bagaimana untuk melaksanakan modifikasi pengajaran dan pembelajaran iaitu dengan mengubahsuai pengajaran dan pembelajaran mengikut tahap murid. Selebihnya hanya akan mengasingkan murid yang tidak boleh membaca dalam satu kumpulan yang sama. Hal ini akan menyebabkan murid berkenaan menjadi kurang minat untuk belajar kerana berada dalam kalangan rakan-rakan yang juga tidak boleh membaca. Hal ini selari dengan sorotan literatur yang menyatakan pencapaian murid lazimnya dipengaruhi oleh kaedah pengajaran seseorang guru (Ragbir, 2005). Oleh itu, guru seharusnya bijak menggunakan teknik-teknik serta kaedah-kaedah yang berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran untuk menarik minat dan perhatian murid selain mengetahui tentang pengaruh latar belakang keluarga seseorang murid.

Dapatan kajian juga menunjukkan responden kajian faham berkaitan kaedah pengajaran yang sesuai untuk murid bermasalah bacaan. Responden kajian menyatakan kaedah berpusatkan murid dan kaedah berpusatkan bahan adalah kaedah yang berkesan untuk mengajar murid-murid LINUS. Dapatan ini selari dengan pendapat Khairuddin Mohamad (2011) yang menyatakan bacaan merupakan proses yang sangat dinamik kerana ia memerlukan komunikasi murid yang aktif sama ada dengan guru, rakan atau ibu bapa di rumah dan ia juga bermakna di antara pembaca dan penulis. Penggunaan kaedah berpusatkan murid mampu melibatkan murid secara aktif dalam pengajaran dan pembelajaran bagi mengelakkan murid kurang berminat untuk belajar membaca.

### **Kefahaman guru dalam melaksanakan pentaksiran formatif**

Rumusan dapatan kajian menunjukkan dua orang guru mempunyai lebih kefahaman mengenai pentaksiran formatif dan tujuan pentaksiran formatif, dua orang guru mempunyai kefahaman yang sederhana berkaitan pentaksiran formatif dan tujuannya dan dua orang guru kurang kefahaman

berkaitan pentaksiran formatif dan tujuannya. Walaupun guru sebenarnya menjalankan pentaksiran semasa pengajaran dan pembelajaran tetapi mereka kurang faham dengan pentaksiran yang dilakukan semasa pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian dapatan kajian ini tidak sama dengan sorotan literatur disebabkan kesemua responden masih keliru dengan pentaksiran formatif dan pentaksiran sumatif. Secara umum, responden hanya memahami bahawa pentaksiran formatif adalah penilaian guru di akhir sesuatu kemahiran dan dilaksanakan semasa pengajaran dan pembelajaran. Sedangkan menurut Eftah (2013), tujuan pentaksiran formatif adalah untuk memandu dan memantau kemajuan pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Masa pentaksiran berlaku semasa proses pengajaran dan pembelajaran dan teknik pentaksiran adalah melalui pemerhatian tidak formal, kuiz, kerja rumah, soalan dan lembaran kerja.

Dari aspek tindakan selepas pelaksanaan pentaksiran formatif, rumusan dapatan kajian ini menunjukkan tiga orang guru dikenalpasti mempunyai kefahaman yang mendalam tentang kenapa perlu dilaksanakan pentaksiran formatif. Ini kerana mereka melakukan tindakan susulan yang sesuai selepas murid dikenalpasti tidak menguasai kemahiran membaca iaitu dengan mengubahsuai pengajaran dan pembelajaran seterusnya. Sebaliknya tiga orang lagi hanya mempunyai kefahaman yang sederhana berkaitan pentaksiran formatif disebabkan tindakan mereka hanya mengasingkan murid yang bermasalah bacaan dalam satu kumpulan tanpa mengubahsuai pengajaran dan pembelajaran yang seterusnya.

Dapatan kajian ini menunjukkan guru kurang memahami bagaimana untuk melaksanakan pentaksiran formatif semasa di kelas kerana mereka kurang memahami item yang sepatutnya diuji untuk murid yang lemah dalam bacaan. Sedangkan menurut Eftah (2013) pentaksiran adalah kunci kepada proses pengajaran dan pembelajaran. Kepentingan pentaksiran akan membantu membina asas untuk mempraktikkan yang baik pada semua peringkat pengajaran dan pembelajaran guru. Oleh itu pentaksiran formatif adalah salah satu cara mentaksir pelajar semasa membina atau memperkembangkan tugas (Biggs, 2003 dalam Eftah dan Abd Aziz, 2013).

## **KESIMPULAN**

Penemuan baru dalam kajian ini menunjukkan terdapat hubungkait antara tindakan guru mengenali murid dari aspek latar belakang, menjalankan saringan awal dan mengenal pasti ciri-ciri fizikal murid bermasalah pembelajaran akan membuat penyesuaian dalam pengajaran dan pembelajaran serta melaksanakan pentaksiran sejajar dengan kemampuan murid. Ini kerana guru yang mengenali murid dengan mendalam akan bertanggungjawab membuat penyesuaian dan pentaksiran dalam pengajaran dan pembelajaran berbanding guru yang tidak mengenali murid yang melaksanakan pengajaran dan pembelajaran tanpa membuat sebarang penyesuaian dan pentaksiran dalam pengajaran dan pembelajaran terhadap murid bermasalah pembelajaran. Penemuan baru ini menunjukkan guru yang faham akan kepentingan mengenali murid bertindak mengkaji latar belakang malah akan melawat ke rumah murid bermasalah untuk dibantu. Ini kerana dapatan kajian ini menunjukkan murid bermasalah pembelajaran bacaan berpunca daripada faktor persekitaran iaitu berasal dari keluarga miskin atau berpecah belah dan kurang mendapat motivasi dari keluarga. Oleh itu, ibu bapa juga kurang mengambil tahu masalah murid yang tidak boleh membaca yang berkemungkinan mempunyai masalah pembelajaran seperti disleksia, lembam atau hiperaktif. Oleh itu, dalam kajian ini terdapat guru yang bertanggungjawab akan membawa murid tersebut untuk dirujuk ke doktor pakar di hospital. Sikap tanggungjawab ini memberi kesan positif dalam pengajaran dan pembelajaran guru terbabit kerana berjaya melakukan penyesuaian dalam pengajaran dan pembelajaran seterusnya melakukan pentaksiran sejajar dengan tahap murid bermasalah pembelajaran. Hal ini secara tidak langsung membantu murid yang bermasalah pembelajaran bacaan dapat melepasi tahap penilaian dalam Ujian Saringan LINUS. Kesimpulannya, guru yang berjaya mentafsir murid adalah guru yang mengenali murid dengan mendalam dan melaksanakan penyesuaian pengajaran dan pembelajaran berdasarkan maklumat awal yang diperolehi dalam mengenali murid iaitu dengan mengkaji latar belakang murid, menjalankan saringan awal dan mengenalpasti ciri-ciri fizikal murid berkeperluan khas. Tindakan sedemikian memberi kesan terhadap murid kerana guru berkenaan dapat melakukan penyesuaian dalam pengajaran dan pembelajaran dan dapat menjalankan pentaksiran yang sejajar dengan tahap kemampuan murid.

## **KAJIAN LANJUTAN**

Kajian ini perlu diteruskan dengan melakukan kajian yang mendalam berkaitan proses pentaksiran yang perlu diamalkan oleh semua guru dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya kepada murid-murid bermasalah pembelajaran. Oleh itu sampel kajian perlu diluaskan kepada murid-murid pendidikan khas supaya pentaksiran dapat dilakukan sejajar dengan tahap kemampuan murid. Selain itu, kaedah kajian lanjutan perlu dilakukan dengan menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif agar generalisasi yang lebih baik diperolehi dan dapat digunakan dengan lebih meluas.

## **RUJUKAN**

Abu Bakar Nordin & Bhasah Abu Bakar (2008). *Penaksiran dalam Pendidikan & Sains Sosial*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Bhasah Abu Bakar (2009). *Asas Pengukuran Bilik Darjah*. Edisi Kedua. Tanjung Malim: Quantum Books.

Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd

Cohen L. & Spenciner (2011). *Assessment of Children and Youth with Special Needs*. Boston: Pearson.

Eftah Abdullah dan Abd Aziz Abd Shukor (2013). *Pentaksiran Prestasi dan Pentaksiran Rujukan Standard Dalam Bilik Darjah*. Syarikat Harkam Interprise, Ipoh.

Haliza Hamzah dan Joy Nesamalar Samuel (2014). *Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku*. Edisi Kemas Kini. Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd.

Titchie, J & Lewis, J (2003) *Qualitative Research Practice; A Guide for Social Science and Researchers*, Sage Publication Ltd, dari [https://mthoyibi.files.wordpress.com/2011/10/qualitative-research-practice\\_a-guide-for-social-science-students](https://mthoyibi.files.wordpress.com/2011/10/qualitative-research-practice_a-guide-for-social-science-students).

Kementerian Pelajaran Malaysia (2011). *Modul Pengajaran Asas Literasi Program LINUS*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum



- Khairuddin Mohamad (2011). *Literasi Bahasa Melayu*. Selangor: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Mahzan Arshad (2013). *Pendidikan Literasi Awal Kanak-kanak Teori dan Amali*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Zuri Ghani dan Aznan Che Ahmad (2011) *Pengantar Pendidikan Khas*. Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia
- Mohamad Johdi Salleh et al. (2009) Status Sosio Ekonomi dan Komitmen Ibu Bapa Terhadap Pencapaian Pelajar Dalam Penilaian Menengah Rendah, Malaysia. *14th International Conference on Education*. Theme: Bridging Words: Making Connections in Education. 21th – 24th May 2009. By Sultan Hassanah Bolkuah Institute of Education Universiti Brunei Darussalam.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd
- Othman Lebar (2009). *Penyelidikan Kualitatif*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman Lebar (2014). *Kajian Tindakan dalam Pendidikan Teori dan Amalan*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ragbir Kaur A/P Joginder Singh (2007). *Panduan Ulangkaji Ilmu Pendidikan untuk Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI)*. Subang Jaya: Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Roshotte, C. A & Torgeson J. K (1985) Repeated Reading and reading fluency in learning disabled children. *Reading Research Quarterly* (20): 180-188.
- Sheau Tsuey Chong & Juliana Rosmidah Jaafar et al. (2012). Motivasi Diri Dan Dorongan Ibu Bapa Terhadap Minat Akademik Belia. *Volume 7, Number 1*, 026-033, April Special-2012 ISSN: 1823-884x © e-Bangi, FSSK, UKM

